

NEGERI PULAU PINANG

**Warta Kerajaan**

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PENANG GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

---

 Jil. 65  
 Bil. 12

10hb Jun 2021

 TAMBAHAN No. 9  
 PERUNDANGAN
 

---

**Pg. P.U. 20.**

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

 KAEDAH-KAEDAH PEKERJA (KELAKUAN DAN TATATERTIB)  
 MAJLIS PERBANDARAN PULAU PINANG 2000 (PINDAAN) 2021

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 17(1) Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*], Majlis Perbandaran Pulau Pinang, dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri membuat kaedah-kaedah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Pekerja (Kelakuan Dan Tatatertib) Majlis Perbandaran Pulau Pinang 2000 (Pindaan) 2021**.
- (2) Kaedah-kaedah ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh ia disiarkan dalam *Warta*.

**Kaedah baru 10A**

2. Kaedah-Kaedah Pekerja (Kelakuan Dan Tatatertib) Majlis Perbandaran Pulau Pinang 2000 [*Pg. P.U. 1/2000*] yang disebut "Kaedah-Kaedah ibu" dalam Kaedah-Kaedah ini, dipinda dengan memasukkan selepas kaedah 10 dengan kaedah yang berikut:

- |                   |  |
|-------------------|--|
| "Gangguan seksual | 10A. (1) Seseorang pekerja tidak boleh melakukan gangguan seksual terhadap orang lain, iaitu seseorang pekerja tidak boleh— <ol style="list-style-type: none"> <li>(a) membuat cubaan untuk merapati orang lain secara seksual, atau meminta layanan seksual daripada orang itu; atau</li> <li>(b) melakukan apa-apa perbuatan yang bersifat seksual berhubung dengan orang lain, dalam keadaan yang, setelah mengambil kira segala hal keadaan, akan menyebabkan seseorang yang waras tersinggung, terhina atau terugut.</li> </ol> |
|-------------------|--|

**Pg. P.U. 20.**

(2) Sebutan dalam subkaedah (1) tentang perlakuan sesuatu perbuatan yang bersifat seksual kepada orang lain—

- (a) termasuklah perbuatan sesuatu pernyataan yang bersifat seksual kepada, atau di hadapan orang lain itu sama ada pernyataan itu dibuat secara lisan, bertulis atau dengan apa-apa cara lain; dan
- (b) tidak terhad kepada perlakuan perbuatan itu di tempat kerja atau dalam waktu kerja sahaja, selagi perlakuan itu memburukkan atau mencemarkan nama perkhidmatan awam.

**Kaedah Baru 56A dan 56B**

3. Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan memasukkan selepas kaedah 56 dengan kaedah-kaedah yang berikut:

"Penamatan demi kepentingan awam 56A.

(1) Walau apa pun apa-apa peruntukan dalam Kaedah-Kaedah ini, jika Majlis mendapati atau jika representasi dibuat kepada Majlis bahawa adalah wajar perkhidmatan seseorang pekerja ditamatkan demi kepentingan awam, Majlis bolehlah meminta laporan penuh daripada Ketua Jabatan di mana pekerja itu sedang berkhidmat atau telah berkhidmat.

(2) Laporan yang disebut dalam subkaedah (1) hendaklah mengandungi butir-butir berhubungan dengan kerja dan kelakuan pekerja itu dan ulasan-ulasan Ketua Jabatan, jika ada.

(3) Jika, setelah menimbang laporan yang diterima di bawah subkaedah (1), Majlis berpuas hati bahawa, memandangkan syarat-syarat perkhidmatan, kegunaan pekerja itu kepada perkhidmatan, kerja dan kelakuan pekerja itu dan segala hal keadaan lain kes itu, adalah wajar demi kepentingan awam untuk berbuat demikian, Majlis bolehlah menamatkan perkhidmatan pekerja itu mulai daripada tarikh yang hendaklah ditentukan oleh Majlis.

(4) Adalah sah di sisi undang-undang bagi Lembaga Tatatertib yang berkenaan untuk mengesyorkan kepada Majlis bahawa perkhidmatan seseorang pekerja itu ditamatkan demi kepentingan awam walaupun prosiding tatatertib belum dijalankan di bawah mana-mana peruntukan Kaedah-Kaedah ini; dan Majlis boleh dengan demikian menamatkan perkhidmatan pekerja tersebut.

**Pg. P.U. 20.**

(5) Walau apa pun apa-apa jua dalam Kaedah-Kaedah ini dan mana-mana undang-undang lain yang berlawanan, apabila menamatkan perkhidmatan mana-mana pekerja demi kepentingan awam di bawah kaedah-kaedah ini, pekerja itu boleh tidak diberikan apa-apa peluang untuk didengar dan seseorang pekerja yang perkhidmatannya telah ditamatkan demi kepentingan awam di bawah kaedah-kaedah ini tidak boleh, bagi maksud subseksyen 16(4) Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*], dianggap telah dibuang kerja, tidak kira sama ada penamatan perkhidmatan itu melibatkan suatu elemen hukuman atau yang berkaitan dengan kelakuan berhubungan dengan jawatannya yang Majlis menganggap tidak memuaskan atau patut disalahkan.

- "Surcaj 56B. (1) Walau apa pun apa-apa jua yang terkandung dalam Kaedah-Kaedah ini, Lembaga Tatatertib boleh mengenakan surcaj terhadap mana-mana pekerja mengikut Akta Prosedur Kewangan 1957 [*Akta 61*].
- (2) Tiap-tiap pengenaan surcaj di bawah subkaedah (1) hendaklah direkodkan dalam rekod perkhidmatan pekerja itu.

**Pengecualian dan peralihan**

4. Jika sesuatu kesalahan itu berlaku sebelum Kaedah-Kaedah ini mula berkuat kuasa, tidak kira sama ada prosiding tatatertib berkenaan dengannya telah dimulakan atau tidak, prosiding bagi kesalahan itu hendaklah dimulakan atau diteruskan di bawah dan selaras dengan Kaedah-Kaedah Pekerja (Kelakuan Dan Tatatertib) Majlis Perbandaran Pulau Pinang 2000 sebelum dipinda oleh Kaedah-Kaedah ini.

Dibuat pada 20 Mei 2021  
[JU/PKP(KKT) 2018; PUNPP 352/100/1/2/SUB/11]

DATO' AR. YEW TUNG SEANG  
*Datuk Bandar*  
*Majlis Bandaraya Pulau Pinang*

Disahkan pada 20 Mei 2021  
[PSUKPP/(S)/01/0956/1 Klt. 9(32); PUNPP 352/100/1/2/SUB/11]

MUHAMAD AZRAI BIN MOHAMAD ZAINI  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri*  
*Pulau Pinang*